



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : AMALAN PROFESIONAL
KOD KURSUS : DID 3323
PEPERIKSAAN : APRIL 2018
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja dari BAHAGIAN C.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan Objektif.

1. Di antara berikut, yang manakah **BUKAN** terdiri daripada subkontraktor domestik?

- A. Subkontraktor kerja
- B. Subkontraktor bahan
- C. Subkontraktor sistem
- D. Subkontraktor buruh

2. Kenyataan di bawah merujuk kepada:

- Membantu kontraktor dan klien mendapatkan anggaran kasar projek.
- Membantu kontraktor dan subkontraktor memesan bahan binaan.
- Membantu pihak kontraktor memahami lukisan pembinaan dengan lebih terperinci.

- A. Senarai Bahan
- B. Jadual Kerja
- C. Kontrak
- D. Spesifikasi

3. Jika projek mengalami kelewatan disebabkan oleh arahan tambahan majikan, kontraktor layak memohon

- A. *Extension of time*
- B. *Over time*
- C. *Extra time*
- D. *Emergency time*

4. Dokumen yang disediakan **selepas** tender dianugerahkan kepada kontaktor dan juga bersedia untuk ditandatangani oleh pelanggan dan kontraktor dikenali sebagai
- A. Dokumen pembidaan
 - B. Dokumen pembinaan
 - C. Dokumen kontrak
 - D. Dokumen sebut harga
5. Dokumen yang disediakan **sebelum** kontrak dianugerahkan kepada kontraktor dan untuk menentukan bidaan terbaik oleh kontraktor dikenali sebagai
- A. Dokumen tender
 - B. Dokumen pembinaan
 - C. Dokumen kontrak
 - D. Perjanjian kontrak
6. Semasa proses penyerahan dokumen tender dilakukan, salah seorang pembida tidak menandatangani borang tender yang disediakan. Apakah status dokumen tender tersebut?
- A. Membuat tawaran semula projek
 - B. Dokumen diterima
 - C. Mengembalikan dokumen untuk pembetulan
 - D. Penerimaan dokumen dibatalkan
7. Ringkasan kos pembinaan bangunan dan kuantiti bahan yang diperlukan untuk sesuatu projek yang diserahkan bersama dokumen tender dikenali sebagai
- A. Sebut harga
 - B. Borang pembelian
 - C. Invois
 - D. Spesifikasi

8. Satu dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengesahkan sesuatu bangunan yang telah siap dibina selamat dan selesa untuk didiami.
- A. MOA
 - B. LA
 - C. CF
 - D. CPC
9. Berikut merupakan skop kerja seorang kerani tapak **KECUALI**
- A. Mahir dalam lukisan pembinaan dan menyediakan laporan
 - B. Melaksanakan pemeriksaan tapak
 - C. Membuat pengukuran dan mengambil sampel di tapak
 - D. Menyediakan cadangan rekabentuk
10. Antara berikut yang manakah **BETUL** tentang *Joint Venture*.
- A. Keuntungan dan kerugian mesti dibahagikan sama rata antara setiap ahli
 - B. Bukan satu entiti undang-undang, tidak boleh didakwa tetapi ahli-ahli individu boleh didakwa.
 - C. Dilayan seperti syarikat perkongsian selama-lamanya dan tertakluk kepada garis panduan yang disediakan oleh kerajaan
 - D. Setiap keputusan mestilah mendapat persetujuan daripada ahli lembaga pengarah terlebih dahulu
11. Satu denda atau ganti rugi yang dikenakan kepada kontraktor atau pembekal yang gagal memenuhi perjanjian yang telah ditetapkan dalam kontrak dipanggil sebagai
- A. SOD
 - B. LAD
 - C. CPC
 - D. DLP

12. Sijil yang dikeluarkan oleh pihak Arkitek kepada pihak kontraktor utama setelah Arkitek berpuas hati dengan kualiti kerja kontraktor dengan kadar kecacatan bangunan yang minimum.
- A. Sijil Tanggungan Kecacatan
 - B. Sijil Perakauan Keselamatan
 - C. Sijil Tamat Kerja
 - D. Sijil Penyerahan Tender
13. Set lukisan yang telah disemak semula berdasarkan perubahan yang dibuat dalam spesifikasi dan lukisan kerja semasa proses pembinaan, dan menunjukkan dimensi yang tepat, geometri dan lokasi semua unsur-unsur kerja yang lengkap di bawah kontrak. Ia akan dihantar apabila selesai sesuatu projek atau kerja tertentu. Ia merupakan ciri-ciri bagi
- A. *Preliminary drawings*
 - B. *Working drawings*
 - C. *As-built drawings*
 - D. *Construction drawings*
14. Antara berikut yang manakah ciri-ciri tatacara mesyuarat peringkat pra-mesyuarat?
- A. Permulaan
 - B. Persediaan
 - C. Pembukaan
 - D. Penutup
15. Berikut ialah contoh kerja-kerja bagi subkontraktor dinamakan **KECUALI**
- A. Menguruskan sistem sanitari
 - B. Membekal Lif & Eskalator
 - C. Menguruskan bahan binaan
 - D. Membekal sistem pendingin hawa

16. Perkara-perkara yang perlu dipastikan untuk menghadiri mesyuarat adalah

- A. Cara dan kod pemakaian
- B. Bahan penting yang perlu dibawa
- C. Tempat dan lokasi mesyuarat
- D. Semua di atas

17. Ia adalah bayaran yang berdasarkan perjanjian antara pelanggan dan pereka, dan biasanya untuk projek yang mudah, kecil dan singkat. Biasanya dibayar hanya sekali pada satu masa atau peringkat yang dipersetujui bersama.

Berikut merupakan ciri-ciri kaedah bayaran yang dikenali sebagai

- A. Royalti
- B. *Lump sum*
- C. Kadar masa
- D. Peratusan

18. Pengesahan bertulis bagi pemberian kontrak oleh klien kepada pembida yang berjaya, menyatakan amaun, tarikh dan bila tarikh kontrak boleh ditandatangani.

- A. VO
- B. LA
- C. EOT
- D. CF

19. Sebarang pertambahan, penggantian, pengurangan atau perubahan yang berlaku terhadap spesifikasi, lukisan atau kuantiti pada sesuatu kontrak yang hanya boleh dilaksanakan oleh kontraktor sekiranya terdapat arahan secara rasmi dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa (S.O).

- A. VO
- B. LA
- C. EOT
- D. CF

20. Senarai semak semua item dalam projek pembinaan yang belum selesai atau tidak lengkap, tidak siap sepenuhnya, memerlukan penggantian atau pembaikan, atau memerlukan kerja tambahan untuk mencapai tahap yang boleh diterima mutu kerja.

- A. VO
- B. SOD
- C. BQ
- D. CPC

BAHAGIAN B (60 MARKAH)

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Apakah yang dimaksudkan bagi jenis-jenis perniagaan seperti yang dinyatakan di bawah, huraikan setiap jawapan anda.

- a) Pemilik tunggal
- b) Perkongsian
- c) Sendirian Berhad

(6 markah)

SOALAN 2

- a) Terangkan secara ringkas definisi mesyuarat.
- b) Huraikan tatacara bagi setiap peringkat mesyuarat berikut.
 - i. Peringkat pra-mesyuarat
 - ii. Peringkat dalam mesyuarat

(2 markah)

(4 markah)

SOALAN 3

Berikan DUA (2) skop kerja bagi jawatan-jawatan berikut:

- a) *Principal*
- b) *Project Manager*
- c) *Design Assistant*
- d) *Production Manager*
- e) *Draught persons (CAD)*

(10 markah)

SOALAN 4

Anda akan menghadiri sesi temuduga di sebuah firma rekabentuk dalaman, Oracle Interior Design Consultant beralamat di Lot 23-2, Aras 23, Menara Wawasan, 38000 Johor Bahru, Johor, bagi jawatan *Junior Interior Designer*.

- a) Anda dikehendaki untuk menghantar portfolio sebelum menghadiri temuduga kepada Pn. Rosmawati yang merupakan Pengarah Urusan di firma tersebut. Tuliskan **surat iringan** untuk tujuan tersebut.

(10 markah)

- b) Huraikan LIMA (5) persediaan yang harus anda lakukan sebelum menghadiri temuduga tersebut.

(5 markah)

- c) Huraikan LIMA (5) ciri-ciri sebuah portfolio yang baik.

(5 markah)

SOALAN 5

Senaraikan ENAM (6) skop kerja bagi Kontraktor Utama.

(6 markah)

SOALAN 6

Berikan TIGA (3) tugas atau peranan yang berkaitan dengan skop kerja dan komitmen profesional daripada perunding berikut:

- a) Juru ukur Bahan
- b) Arkitek
- c) Jurutera Awam dan Struktur
- d) Jurutera Mekanikal dan Elektrikal

(12 markah)

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Nyatakan istilah penuh bagi singkatan berikut dan huraikan makna-makna istilah tersebut

- | | |
|--------|--------|
| a) LAD | f) BQ |
| b) VO | g) MOM |
| c) MOA | h) LA |
| d) EOT | i) SOD |
| e) CF | j) CPC |

(20 markah)

SOALAN 2

Berikan DUA (2) huraian bagi setiap peringkat projek pembinaan secara am berikut, dan berikan DUA (2) individu yang terlibat dalam setiap peringkat tersebut.

- a) Taklimat
- b) Rekabentuk
- c) Tender
- d) Pembinaan
- e) Tugasan

(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

